

Sijil2 sekolah China: Penjelasan Mahathir

BM - 8 JUL 1970

TIMBALAN Perdana Menteri merangkap Menteri Pelajaran, Dr. Mahathir Mohamed berkata, kerajaan tidak menawarkan biasiswa kepada pelajar-pelajar bumiputra di Kolej Tunku Abdul Rahman (KTAR).

Beliau, ketika menjawab pertanyaan Encik Azharul Abidin Haji Abdul Rahim (BN-Batang Padang) di Dewan Rakyat petang semalam memberitahu, hingga akhir bulan lalu, 52 orang pelajar Bumiputra menuntut di kolej tersebut.

Di samping itu, tegas beliau, terdapat juga 234 pelajar India dan enam lagi dari lain-lain kaum sementara baki-nya, 4,250 pelajar dari kaum China.

Dr. Mahathir menegaskan, perjalanan KTAR didasarkan kepada suratcara kerajaan yang dibuat menu-

K. LUMPUR, Rabu

rut Akta Pelajaran 1961 dan diluluskan oleh Menteri Pelajaran.

Menjawab pertanyaan Encik Chai Heng Kai (DAP-Batu Gajah) beliau memberitahu, kerajaan tidak bercadang mengiktiraf sijil-sijil "Junior Middle Three" dan "Senior Middle Three" yang dikeluarkan oleh Persatuan Sekolah-sekolah Persendirian China.

"Kementerian Pelajaran juga tidak memberi keutamaan kepada pemilik sijil yang dikeluarkan oleh badan swasta," ujar beliau.

Menurut Encik Chai, mereka yang mempunyai sijil Persatuan Sekolah-sekolah Persendirian China amat sesuai untuk mengajar di sekolah-sekolah rendah jenis kebangsaan China.

Tapi, Dr. Mahathir dalam maklumat tambahannya menyebut,

kelayakan akademik yang menjadi syarat masuk maktab perguruan, serendah-rendahnya SPM/MCE/SC/SPVM.

Beliau menjelaskan, bagi mereka yang akan mengajar di sekolah rendah jenis kebangsaan China mesti mempunyai kepujian dalam bahasa China peringkat SPM/MCE/SC saja.

Di samping itu tegas beliau, keutamaan akan diberi kepada mereka yang mempunyai kepujian dalam kesuasasteraan China di samping kepujian dalam bahasa China.

Sementara itu, Encik Lim Kit Siang (DAP-Kota Melaka) minta Menteri Pelajaran memberi laporan kemajuan jawatankuasa pengajian semula kabinet mengenai pelajaran.

Beliau juga ingin tahu apakah laporan itu akan siap dan akan dibentangkan.